

MPP UiTM kekal rekod 7 tahun

KOSMO 22/9/06 ms. 15

SHAH-ALAM - Calon proaspirasi menyapu bersih kesemua 237 kerusi dalam pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada sesi pemilihan kali ini, kata Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM, Profesor Dr. Nasuddin Othman.

Beliau berkata, jumlah kerusi

yang dimenangi itu merangkumi kampus utama di Shah Alam dan seluruh kampus cawangan dalam pemilihan yang diadakan semalam.

Kemenangan calon dari barisan proaspirasi menguasai MPP UiTM adalah sesuatu yang dijangka dan kejayaan menyapu bersih itu merupakan pencapaian

tujuh tahun berturut-turut, katanya.

Jelasnya, peratusan yang keluar mengundi juga sama dengan tahun lepas iaitu 89.5 peratus di semua 12 kampus UiTM.

Menurutnya, pilihan raya kali ini juga berjalan lancar tanpa sebarang insiden yang tidak diingini. - Bernama



**PILIHAN RAYA
KAMPUS**